



ISBN : 978-967-0582-32-0

## Hubungan Antara Tanggapan Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Dan Kesedaran Emosi Remaja

Agnis Sombuling, Siti Hajar Kawi

*Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah*

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti jika terdapat hubungan di antara tanggapan ibu bapa mengenai pendidikan kepada kesedaran emosi anak. Tanggapan ibu bapa dinilai berdasarkan sikap ibu bapa mengenai pendidikan anak. Kajian ini melibatkan 63 buah keluarga yang mempunyai anak dalam lingkungan umur 14, 15, 16 dan 17 tahun di daerah Keningau, Sabah. Kajian ini menyelidik sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap ibu bapa mengenai pendidikan terhadap kesedaran emosi anak. Soal selidik untuk ibu bapa diambil daripada kajian yang telah dilakukan oleh Thao (2000) yang mengukur sikap serta penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak, dan soal selidik untuk remaja (anak) pula menggunakan *Emotional Awareness Questionnaire (EAQ-30)*. Kajian ini menggunakan analisis inferensi untuk menguji hipotesis yang telah dibina dengan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 21. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan di antara tanggapan ibu bapa mengenai pendidikan dengan kesedaran emosi yang ditonjolkan oleh anak.

**Kata Kunci:** *Tanggapan ibu bapa, pendidikan, emosi anak.*

**Pembentang:**  
**Agnis Sombuling**

**Sesi :**  
**2.30 – 4.30 Ptg**  
**BT 3**



## PENDAHULUAN

Tanggapan ibu bapa boleh memberikan kesan kepada bagaimana seseorang remaja bertindak kerana menurut Kocayoruk (2012), tanggapan ibu bapa berkait rapat dengan keperluan psikologi remaja. Oleh yang demikian tanggapan ibu bapa adalah penting bagi perkembangan emosi remaja. Selain itu, remaja juga memerlukan sokongan daripada ibu bapa kerana walaupun pada zaman ini remaja berusaha untuk berdikari, namun mereka masih mengambil berat mengenai apa yang ibu bapa mereka lakukan untuk mereka, ataupun mengenai bagaimana kehendak ibu bapa mereka untuk mereka.

Menurut Bhutto *et al.* (2011), tanggapan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pendidikan anak, serta ibu bapa yang berasal dari tempat dan persekitaran yang berbeza mempunyai tanggapan yang berbeza untuk pencapaian pendidikan anak-anak mereka. Haq (dalam Bhutto *et al.*, 2011) menyatakan bahawa sikap dan tingkah laku yang ditonjolkan oleh anak-anak berkait rapat dengan galakan dan pengaruh yang diberikan oleh ibu bapa kepada mereka. Oleh itu, tanggapan ibu bapa melalui sikap yang ditonjolkan oleh ibu bapa kepada anak boleh memberikan kesan kepada sikap dan tingkah laku anak, seterusnya boleh memberikan kesan kepada emosi anak.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Lavasani, Afzali dan Hejazi (2011), sokongan sosial daripada ibu bapa penting untuk perkembangan psikologi yang sihat dalam kalangan remaja. Selain itu, kajian Kocayoruk (2012) menyatakan bahawa tanggapan ibu bapa berkait rapat dengan keperluan psikologi remaja. Hal ini kerana keperluan asas psikologi boleh memberikan kesan kepada kesejahteraan hubungan remaja dengan ibu bapa, serta kepada kesejahteraan remaja itu sendiri. Oleh itu, penglibatan ibu bapa dalam zaman remaja amat penting untuk kesihatan mental dan emosi anak-anak.

Dalam kajian Ciarrochi, Chan dan Bajgar (2000) juga ada menyatakan dalam kajian mereka bahawa kematangan emosi dalam kalangan remaja boleh diukur, serta berkait secara positif dengan kebolehan membezakan perbezaan emosi, sokongan sosial, dan bagaimana cara remaja tersebut mengendalikan emosi sendiri. Hal ini bermaksud kematangan emosi remaja boleh diukur dengan cara melihat kepada kesedaran emosi sendiri mereka.

Kesedaran emosi berkait rapat dengan bagaimana seseorang sedar akan proses-proses yang berlaku (Rieffe *et al.*, 2008) semasa sesuatu emosi yang berlaku. Selain itu, kesedaran emosi juga berkait rapat dengan *emotional intelligence* (EI) seseorang (Ciarrochi, Chan & Bajgar, 2000). Kajian Ciarrochi, Chan dan Bajgar (2000) juga mendapati bahawa *self-report measure of emotional intelligence* (SEI), atau kesedaran emosi boleh diukur dalam kalangan remaja, dan juga mempunyai reliabiliti serta kesahan yang boleh dipercayai. Hal ini kerana berdasarkan hasil kajian mereka, EI boleh diukur dan mempunyai reliabiliti yang boleh dipercayai, serta berkait rapat dengan kebolehan untuk mengenalpasti ekspresi yang berkait dengan emosi, sokongan sosial, tahap kepuasan, dan tingkahlaku dalam pengurusan emosi seseorang remaja. Oleh itu, kesedaran emosi remaja juga berkait rapat dengan EI kerana kesedaran emosi dalam konteks kajian ini merujuk kepada bagaimana seseorang remaja mempunyai kesedaran ke atas emosi diri sendiri dan orang lain, bagaimana membezakan emosi yang dirasakan, serta boleh menerangkan mengenai emosi yang sedang dihadapi kepada orang lain.

Hoover-Dempsey dan Sandler (1995) pula menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak mampu memberikan kesan yang positif kepada pendidikan anak-anak. Hal ini kerana apabila ibu bapa menunjukkan reaksi yang positif mengenai pendidikan anak, secara langsung anak-anak tersebut akan lebih menyukai hal-hal yang melibatkan pendidikan kerana ibu bapa mereka mengambil berat mengenai pendidikan mereka. Maka, secara tidak langsung hal ini akan memberikan kesan kepada emosi anak, kerana apabila ibu bapa menunjukkan minat dalam pendidikan anak, maka anak tersebut akan beranggapan bahawa ibu bapa mengambil berat mengenai mereka. Akhir sekali, Saiti dan Mitrosili (2005) menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak mempunyai pengaruh yang penting keatas perkembangan anak-anak dari segi pendidikan dan pembangunan sendiri yang berkaitan.

### **Permasalahan kajian**

Tidak banyak kajian yang dilakukan mengenai bagaimana tanggapan ibu bapa boleh memberikan kesan kepada emosi anak-anak. Kebanyakan kajian hanya menumpukan kepada salah satu skop sahaja, seperti tanggapan ibu bapa mengenai sekolah anak, dan mengenai bagaimana anak terkesan dengan cara ibu bapa melayan mereka. Selain itu, kajian mengenai kepentingan tanggapan ibu bapa kepada remaja juga kurang dilakukan. Dalam hal ini, tanggapan ibu bapa untuk remaja juga memerlukan pemerhatian kerana kebanyakan remaja juga mengambil berat mengenai harapan ibu bapa mereka terhadap masa depan mereka. Dalam kajian ini, tanggapan ibu bapa mengenai pendidikan anak akan dikaji jika memberikan sebarang kesan kepada perkembangan emosi anak dari segi kesedaran emosi mereka. Oleh itu, permasalahan kajian yang telah dikenalpasti bagi kajian ini ialah:

1. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara tanggapan ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan terhadap kesedaran emosi anak?
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak dengan kesedaran emosi anak?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara umur remaja dengan tahap kesedaran emosi yang mereka tonjolkan?

### **Objektif Kajian**

Tujuan ataupun objektif bagi kajian ini ialah:

1. Untuk mengkaji hubungan di antara tanggapan ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan dan emosi anak
2. Untuk mengkaji hubungan di antara penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak dengan kesedaran emosi anak
3. Untuk mengkaji perbezaan di antara umur remaja dengan tahap kesedaran emosi yang mereka tonjolkan

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk tinjauan dan menggunakan borang soal selidik untuk mengumpul data. Terdapat dua jenis borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Soal selidik yang digunakan untuk mengukur sikap ibu bapa mengenai pendidikan dan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak telah diambil daripada kajian yang telah dibuat dan soal selidik yang telah direka sendiri oleh Thao (2000). Soal selidik yang digunakan untuk mengukur kesedaran emosi diri remaja ialah "*Emotion Awareness Questionnaire*" atau EAQ-30 (Rieffe *et al.*, 2008) dan merupakan soal selidik yang lebih terkini daripada soal selidik asal, iaitu soal selidik "*Emotion Awareness Questionnaire*". Dalam kajian ini, pengkaji ingin mendapatkan maklumat mengenai sikap ibu bapa mengenai pendidikan dan hubungannya dengan kematangan emosi diri anak, melalui kesedaran emosi remaja tersebut.

### **Subjek Kajian**

Responden kajian terdiri daripada remaja yang berada dalam lingkungan umur 14, 15, 16 dan 17 tahun, beserta dengan ibu atau bapa mereka. Terdapat 80 set soal selidik telah diedarkan, namun pengkaji hanya mendapat semula sebanyak 63 set soal selidik. Pengkaji memberikan borang soal selidik kepada setiap keluarga, dan hanya keluarga yang mempunyai anak yang berumur dalam lingkungan umur 14 hingga 17 tahun akan diminta untuk menjawab soal selidik.

Bagi keluarga yang mempunyai lebih dari seorang anak yang berumur dalam lingkungan 14 hingga 17 tahun, hanya seorang daripada anak tersebut akan diminta untuk menjawab soal selidik. Selain itu, bagi responden yang masih mempunyai kedua-dua ibu dan bapa, hanya ibu atau bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tertinggi sahaja yang diminta untuk menjawab soal selidik.

Min umur bagi ibu bapa yang menyertai kajian ini ialah 47.17 tahun, dan min bagi umur remaja yang menyertai kajian ini ialah 15.5 tahun. Daripada 63 orang responden yang terdiri daripada ibu atau bapa yang menjawab soal selidik, responden perempuan ialah seramai 35 orang (55.6%), responden lelaki ialah seramai 27 orang (42.9%), manakala seorang responden (1.6%) tidak menjawab mengenai jantinya. Manakala untuk responden remaja yang terdiri daripada 63 orang, responden perempuan ialah seramai 50 orang (79.4%), responden lelaki seramai 12 orang (19%), dan hanya seorang responden (1.6%) tidak menjawab mengenai jantinya.

### Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di daerah Keningau, Sabah.

### Alat Kajian

#### Sikap Ibu Bapa mengenai Pendidikan dan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak

Soal selidik ini telah direka oleh Dang Thao (2000) untuk melihat tanggapan tanggapan ibu bapa dalam kalangan bangsa Hmong mengenai pendidikan melalui sikap ibu bapa mengenai pendidikan anak dan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Soal selidik ini mempunyai 11 item untuk melihat sikap ibu bapa mengenai pendidikan dan 11 item lagi untuk melihat sejauhmana ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak. Pemarkatan menggunakan lima Skala Likert yang bermula daripada skor 1 (sangat tidak setuju) hingga skor 5 (sangat setuju) bagi melihat sikap ibu bapa mengenai pendidikan, dan lima Skala Likert yang bermula daripada skor satu (tidak pernah) hingga skor 5 (sentiasa). Dalam hal ini, semakin tinggi skor yang dipilih oleh ibu bapa dalam setiap item yang diberikan, maka semakin tinggi sikap atau penglibatan ibu bapa mengenai pendidikan anak, namun bertentangan bagi item yang ke-11 (“Anak-anak saya belajar nilai-nilai yang saya kurang senang di sekolah”) bagi bahagian sikap ibu bapa mengenai pendidikan.

#### Emotion Awareness Questoinnaire (EAQ-30)

Soal selidik ini telah dibina oleh Rieffe *et al.*, (2008) untuk mengukur kesedaran emosi kanak-kanak dan terbahagi kepada enam skala, iaitu kebolehan untuk membezakan emosi dan penyebab emosi tersebut, kesedaran fizikal hasil daripada emosi yang dilalui, cara mengeluarkan atau menyatakan emosi, expresi yang dikeluarkan dengan sengaja (*not hiding emotions*), menganalisis emosi sendiri, dan menyedari emosi individu yang lain.

## KEPUTUSAN KAJIAN

### Hubungan di antara Tanggapan Ibu Bapa mengenai Kepentingan Pendidikan kepada Kesedaran Emosi Anak

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa semua ibu bapa yang terlibat mempunyai tanggapan yang positif mengenai pendidikan, iaitu mempunyai skor melebihi 40. Oleh itu, hipotesis bagi bahagian ini akan menganalisis mengenai tanggapan ibu bapa mengenai pendidikan dan kesannya terhadap kesedaran emosi yang ditonjolkan anak.

Jadual 1 menunjukkan analisis bagi Ujian Korelasi untuk menilai hubungan di antara tanggapan ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan dan kesedaran emosi yang ditonjolkan anak. Hasil daripada analisis korelasi daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat hubungan di antara tanggapan ibu bapa dan kesedaran emosi anak kerana ( $r = .077, P > 0.01$ ).

#### Jadual 1 Analisis Korelasi - Hubungan di antara Tanggapan Ibu Bapa mengenai Kepentingan Pendidikan dengan Kesedaran Emosi Anak

	N	Min	S.P	<i>r</i>
Tanggapan Ibu Bapa	60	48.03	3.76	.077
Emosi Remaja	58	64.67	6.05	

Nota :  $k > 0.01$

Daripada Jadual 1, dapat dilihat bahawa pekali korelasi ialah 0.07 di antara tanggapan ibu bapa dengan kesedaran emosi remaja. Hubungan ini tidak signifikan dimana terdapat hubungan yang lemah diantara tanggapan ibu bapa terhadap dengan emosi remaja.

Dapatan kajian ini berbeza daripada kajian yang dilakukan oleh Kocayoruk (2012) yang mengatakan bahawa tanggapan ibu bapa berkait rapat dengan keperluan psikologi remaja. Namun, dalam kajian Kocayoruk (2012) hanya menyatakan kepentingan mengenai tanggapan ibu bapa kepada keperluan psikologi remaja, dan bukan mengenai kepentingan tanggapan ibu bapa kepada kesedaran emosi remaja. Selain itu, melalui kajian ini, pengkaji sukar mendapatkan maklumat atau kajian lepas yang boleh menyokong atau memberikan sedikit idea mengenai tanggapan ibu bapa mengenai pendidikan anak kepada emosi anak.

Tambahan pula, responden kajian yang menyertai kajian ini juga kecil; hanya melibatkan keluarga yang mempunyai anak dalam lingkungan umur 14 hingga 17 tahun, yang mana menurut McLeod (2014) “*sampling bias*” akan terjadi apabila seorang pengkaji tidak menggunakan keseluruhan populasi tersebut. McLeod (2014) juga menyatakan bahawa mustahil atau hampir mustahil untuk melakukan kajian yang melibatkan keseluruhan populasi, oleh itu pengkaji perlu mempunyai “*target sample*” atau “*target population*” yang tersendiri. Hal ini menyebabkan pengkaji perlu mempunyai “*target population*” yang tersendiri, seperti hanya melibatkan kanak-kanak atau remaja (McLeod, 2014).

### **Hubungan di antara Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak Dengan Kesedaran Emosi Anak**

Jadual 2 menunjukkan analisis bagi Ujian Korelasi untuk menilai hubungan di antara penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak dengan kesedaran emosi yang ditonjolkan anak. Hasil daripada analisis korelasi daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat terdapat hubungan di antara penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak dengan kesedaran emosi anak kerana ( $r = 0.148$ ,  $P > 0.01$ ).

**Jadual 2.** Analisis Korelasi - Hubungan di antara Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak dengan Kesedaran Emosi Anak

	N	Min	S.P	<i>r</i>
Penglibatan Ibu Bapa	60	37.10	5.67	.148
Emosi Remaja	58	64.67	6.05	

Nota :  $k > 0.01$

Daripada Jadual 2, dapat dilihat bahawa pekali korelasi ialah 0.148 di antara penglibatan ibu bapa dengan emosi anak. Hal ini menunjukkan pemboleh ubah penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak dengan kesedaran emosi anak menunjukkan hubungan yang lemah.

Hasil kajian ini berbeza daripada kajian yang telah dilakukan oleh Hoover-Dempsey dan Sandler (1995) yang menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak mampu memberikan kesan yang positif kepada pendidikan anak-anak. Kajian daripada Saiti dan Mitrosili (2005) juga menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak mempunyai pengaruh yang penting keatas perkembangan anak-anak dari segi pendidikan dan pembangunan sendiri yang berkaitan. Walaupun begitu, kajian daripada Hoover-Dempsey dan Sandler (1995) hanya melihat kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak dan kesannya kepada pendidikan anak, dan bukan kepada emosi anak. Namun dari sudut pandangan pengkaji, apabila ibu bapa menunjukkan reaksi atau penglibatan yang positif mengenai pendidikan anak, secara langsung anak-anak akan lebih menyukai mengenai hal-hal yang melibatkan pendidikan, dan seterusnya akan memberikan kesan yang positif kepada emosi anak.

## Perbezaan di antara Umur Remaja dengan Tahap Kesedaran Emosi yang Ditonjolkan

**Jadual 3.** Analisis ANOVA Sehala – Perbezaan di antara umur remaja dengan tahap kesedaran emosi yang ditonjolkan

Sumber variasi	Jumlah kuasa dua	dk	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan	196.674	3	65.558	1.830	.153
Dalam kumpulan	1970.852	55	35.834		
Jumlah	2167.525	58			

Nota :  $k > 0.05$

Berdasarkan Jadual 3, didapati bahawa  $F = 1.830$ ;  $p = 0.153$  ( $p > 0.05$ ). Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara umur remaja dengan tahap kesedaran emosi yang ditonjolkan. Oleh itu, umur remaja tidak memberikan kesan kepada tahap kesedaran emosi yang ditonjolkan dalam kajian ini.

Dapatan kajian ini berbeza dengan kajian daripada Papini, Farmer, Clark, Micka dan Barnett (1990), yang mendapati bahawa terdapat perbezaan di antara cara remaja menyatakan atau menzahirkan emosi, yang mana remaja yang lebih tua (dari segi umur), lebih cenderung untuk berkongsi atau menyatakan emosi mereka kepada rakan-rakan berbanding dengan remaja yang lebih muda. Namun, Papini *et al.* (1990) juga menyatakan bahawa penzahiran emosi kepada rakan juga mempunyai kaitan dengan tahap keyakinan diri remaja. Oleh itu, berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa walaupun terdapat sedikit perbezaan daripada hasil dapatan kajian, namun perbezaan tersebut adalah tidak signifikan, dan seterusnya menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara umur remaja dengan emosi yang ditonjolkan dalam kajian ini. Selain itu, hal ini juga berkemungkinan kerana pengkaji menggunakan bilangan responden yang kecil, dan hal ini boleh mempengaruhi hasil kajian.

### KESIMPULAN

Tanggapan serta penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak sedikit sebanyak boleh memberikan kesan kepada tahap kesedaran emosi anak, walaupun sedikit. Hal ini kerana terdapat golongan anak yang kurang berani untuk menyatakan emosi mereka dengan sebenar. Selain itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang mungkin boleh mempengaruhi kesedaran emosi anak, seperti pengalaman berkawan, tahap keyakinan diri dan layanan daripada ibu bapa. Kajian yang telah dijalankan ini bertujuan untuk mengetahui jika tanggapan ibu bapa (yang diukur melalui sikap ibu bapa terhadap pendidikan) terhadap pendidikan memberikan kesan kepada kesedaran emosi anak. Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan kesedaran emosi remaja berdasarkan usia mereka. Hal ini menunjukkan anak yang berada pada tahap remaja mempunyai kesedaran emosi yang hampir sama. Walaupun hasil kajian ini tidak menyokong beberapa kajian lepas, namun hasil daripada dapatan kajian ini dapat digunakan oleh pihak tertentu untuk menjalankan program-program bagi meningkatkan tahap kesedaran emosi remaja. Kajian ini juga boleh membantu ibu bapa untuk menyedari akan kepentingan pendidikan serta lebih memahami dan melibatkan diri dalam pendidikan anak.

### RUJUKAN

Bhutto, N.A., Narejo, R.A., Butt, F., Shaikh A.S., & Virwani, R. (2011, January). *Parents' perception regarding children education*. Kertas kerja dibentangkan di 1<sup>st</sup> International Conference of Business Management, University of Management and Technology. Diambil dari <http://umt.edu.pk/icobm/proceedings/day-one.html>

- Ciarrochi, J., Chan, A.Y.C, & Bajgar, J. (2000). Measuring emotional intelligence in adolescents. *Personality And Individual Differences, 31*, 1105-1119.
- Hoover-Dempsey, K.V. & Sandler, H.M. (1995). Parental involvement in children's education: Why does it make a difference?. *Teachers College Record, 97* (2), 311-331.
- Kocayoruk, E. (2012). The perception of parents and well-being of adolescents: Link with basic psychological need satisfaction. *Procedia Social and Behavioral Sciences, 46*, 3624-3628.
- Lavasani, M.G., Afzali, L., & Hejazi, E. (2011). The relationship between perceived parenting styles, social support with psychological well-being. *Procedia Social and Behavioral Sciences, 15*, 1852-1856.
- McLeod, S. (2014). *Sampling methods*. Diambil dari <http://www.simplypsychology.org/sampling.htm>
- Papini, D.R., Farmer, F.F., Clark, S.M., Micka, J.C., & Barnett, J.K. (1990). Early adolescent age and gender differences in patterns of emotional self-disclosure to parents and friends. *Adolescence, 25*(100), 959-976.
- Rieffe, C., Oosterveld, P., Miers, A.C., Terwogt, M.M., & Ly, V. (2008). Emotion awareness and internalising symptoms in children and adolescents: The emotion awareness questionnaire revised. *Personality and Individual Differences, 45*, 756-761.
- Saiti, A. & Mitrosili, E. Parental perception of the education of their adolescent children: Evidence from Greek secondary education. *Journal of Career and Technical Education, 22* (1). Diambil dari <http://scholar.lib.vt.edu/ejournals/JCTE/v22n1/saiti.html>
- Thao, D. (2000). *Hmong parents' perceptions toward their children's education in Minneapolis, Minnesota* (Thesis Disertation - Master). University of Wisconsin Stout.